

31/03/2000

Pemimpin wajar patuh nasihat raja

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

JITRA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap umat Islam, khususnya pemimpin politik, menerima nasihat Raja-Raja Melayu dalam usaha menyatupadukan semula ummah.

Perdana Menteri berkata golongan yang sering menabur fitnah dan melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam, pula hendaklah menghentikan segera perbuatan itu.

"Bagi kerajaan, kita komited terhadap usaha menyatupadukan umat Islam yang kini berpecah akibat tindakan pihak tertentu yang mempunyai kepentingan sendiri," katanya.

Beliau berkata, selain melaksanakan pelbagai program pembangunan Islam, kerajaan yang dipimpin Umno, mahu memastikan persaudaraan umat Islam terus kekal dan tidak berpecah-belah.

"Sebelum ini hanya Umno yang berani menentang golongan berkenaan tetapi sekarang raja-raja pun ambil berat. Harap mereka terima nasihat raja dan gugurkan cara buruk mereka dan kembali kepada ajaran Islam sebenar," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu, di sini hari ini.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, usaha Umno untuk menyatupadukan umat seperti yang dituntut agama, ditentang golongan yang bertopengkan Islam.

Menurutnya, golongan terbabit mendakwa berjuang untuk Islam tetapi melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam, termasuk kafir mengkafir dan mendakwa umat Islam yang tidak menyokong mereka tidak akan masuk syurga.

"Ini secara langsung mereka kata Nabi Muhammad bukan Islam kerana Nabi Muhammad tidak pernah jadi ahli Pas dan tidak pangkah (mengundi) Pas. Ini juga fitnah mereka yang bertentangan dengan Islam.

"Mereka gunakan serban dan jubah sebagai topeng kononnya mereka Islam...mereka ini sebenarnya menentang ajaran Islam," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Umno berjaya mengembangkan ajaran Islam sebenar dengan menunaikan kewajipan fardu ain dan fardu kifayah selaras dengan kehendak agama, iaitu menjadikan Islam sebagai cara hidup atau addin.

"Umno ajak semua orang bersaudara dan bermakna Umno ajak ke arah (tuntutan) Islam...bersatu padu dan bersaudara," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata Umno masih relevan untuk terus memperjuangkan Islam dan bangsa Melayu serta mempertahankan kemerdekaan dan maruah negara.

Perdana Menteri berkata, pencapaian negara yang diterajui Umno sehingga mendapat pengiktirafan antarabangsa, menjadi bukti Umno masih relevan untuk terus memperjuangkan Islam, orang Melayu dan negara.

Justeru, beliau meminta ahli Umno terus bersatu dan merapatkan barisan serta tidak mementingkan diri sendiri atau pemimpin tertentu sehingga menjejaskan parti.

Menurutnya, ahli Umno mempunyai tanggungjawab besar sama seperti tanggungjawab seluruh rakyat bagi memastikan pencapaian yang dinikmati sekarang dikekal dan dipertingkatkan.

Pada masa yang sama, Dr Mahathir berkata, ahli Umno tidak harus mempersoalkan apa yang mereka dapat hasil penyertaan dalam Umno kerana kebaikan yang dilakukan parti adalah untuk rakyat keseluruhan.

Katanya, Umno ditubuhkan bukan untuk kepentingan individu atau pemimpin tertentu, sebaliknya demi kepentingan agama, bangsa dan negara, seperti

yang termaktub dalam perlembagaan parti.

"Saya ingin memperingati bahawa Umno ditubuhkan untuk perjuangkan bangsa, agama dan tanah air. Kita tidak tubuhkan Umno untuk menaikkan sesiapa. Tidak tercatat dalam perlembagaan Umno untuk naikkan sesiapa.

"Umno ditubuhkan untuk mencapai kemerdekaan dan menangkis tekanan serta penghinaan penjajah British. Umno ditubuhkan untuk satukan orang Melayu yang ketika itu berpecah belah," katanya.

Menurut Dr Mahathir, hasil perpaduan orang Melayu yang pada masa itu lemah dan miskin, penubuhan Malayan Union berjaya ditentang, negara mencapai kemerdekaan dan dimajukan dengan rakyat dapat hidup seperti sekarang.

"Demikianlah mustajabnya perpaduan di kalangan orang yang lemah dan apa lagi jika kita kuat," katanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir turut mengimbau kembali kemerosotan pencapaian Umno pada pilihan raya umum lalu yang bukan saja disebabkan kemerosotan sokongan terhadap Umno, khususnya di kalangan golongan muda, malah akibat masalah dalaman parti.

"Dalam pilihan raya lalu, kebanyakan kekalahan kita kerana begitu ramai ahli utamakan kepentingan diri dan tidak fikir fasal Umno.

"Mereka hanya nampak peluang calon yang dipilih presiden adalah salah dengan pastikan calon itu kalah supaya lain kali akan ikut cadangan mereka. Mereka kata setia pada presiden tetapi sebenarnya tidak setia," katanya.

Mengenai demokrasi, Dr Mahathir berkata, ahli Umno perlu menghindarkan tanggapan kononnya demokrasi membolehkan mereka melakukan apa saja tanpa mengambil kira akibatnya.

Katanya, bagi mengekalkan kekukuhan dan kekuatan, demokrasi perlu menjadi pegangan tetapi jangan sampai merosakkan parti kerana demokrasi diamalkan untuk kebaikan.

(END)